

MAHATHIR - BUBAR R R R R

KUALA LUMPUR, 18 JULAI (BERNAMA) -- PILIHAN RAYA UMUM YANG AWAL PERLU DIADAKAN BAGI MEMBOLEHKAN KERAJAAN MENERUSKAN TUGASNYA MEMBANGUNKAN RAKYAT DAN NEGARA TANPA GANGGUAN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PADA KETIKA INI PELBAGAI MASALAH DIHADAPI YANG MENGGANGGU PERJALANAN KERAJAAN SERTA MENJEJASKAN PASARAN SAHAM, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT DEWAN TERTINGGI BARISAN NASIONAL DI KOMPLEKS UMNO DI SINI.

MESYUARAT ITU MENGAMBIL KEPUTUSAN SUPAYA DEWAN RAKYAT DIBUBARKAN MULAI ESOK YANG MEMBUKA JALAN BAGI PILIHAN RAYA PARLIMEN DI SELURUH NEGARA DAN DEWAN-DEWAN UNDANGAN NEGERI DI SEMENANJUNG MALAYSIA DIADAKAN LEBIH AWAL.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PENGERUSI BN BERKATA BN BERPENDAPAT PILIHAN RAYA SEKARANG DIFIKIRKAN PALING SESUAI SELEPAS DIBERI PERHITUNGAN SEWAJARNYA.

KATANYA MASALAH MENGENAI KETIADAAN BAKAL-BAKAL HAJI BUKANNYA MENJADI SATU PERKARA YANG BOLEH MENYEKAT PILIHAN RAYA DIADAKAN PADA MASA INI. -- LAGI.

1825MST 18 07 86

B B938 AAB

MAHATHIR - BUBAR 2 KUALA LUMPUR R R R

KATANYA KESEMUA 13 PARTI KOMPONEN BN BERSETUJU DENGAN ALASAN KERAJAAN UNTUK MENGADAKAN PILIHAN RAYA AWAL ITU DAN SENTIASA BERSEDIA UNTUK MENGHADAPINYA PADA BILA-BILA MASA.

KESEMUA PARTI KOMPONEN JUGA BERKEYAKINAN UNTUK MEMPEROLEH KEMENANGAN YANG DIHASRATKAN, KATANYA.

"BN PERCAYA KEKUATANNYA CUKUP UNTUK MENGHADAPI PARTI LAWAN BUKAN SAHAJA DI PANTAI TIMUR MALAYAN DI SETIAP KAWASAN YANG DITANDINGINYA," KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

"SAYA DAN PARTI-PARTI KOMPONEN PENUH YAKIN BN BUKAN SAHAJA AKAN MENGEKALKAN KEDUDUKAN DUA PERTIGANYA DI DEWAN RAKYAT BAHKAN BERKEMUNGKINAN BESAR MEMPEROLEH KEMENANGAN YANG LEBIH BESAR DARIPADA ITU," TEGASNYA.

MENGENAI PEMBAHAGIAN KERUSI, BELIAU BERKATA PADA UMUMNYA MASALAH ITU TELAH PUN DISELESAIKAN KECUALI BEBERAPA PERKARA TERTENTU YANG MASIH DIRUNDINGKAN DI KALANGAN PARTI KOMPONEN. -- LAGI

1833MST 18 07 86

0300

U B960 AAB

MAHATHIR - BUBAR 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DUA TIGA PERKARA TERTENTU SAHAJA YANG BELUM DIBERESKAN TETAPI BAGAIMANAPUN DIJANGKA DAPAT DIATASI DALAM MASA SEHARI DUA LAGI.

KATANYA FORMULA YANG DIGUNAKAN OLEH BN UNTUK MENENTUKAN PEMBAHAGIAN KERUSI BERASASKAN KEPADA KEADILAN SEMUA PARTI KOMPONEN.

ANTARA CIRI YANG DIGUNAKAN IALAH KEDUDUKAN KAUM DI SATU-SATU TEMPAT DAN KAWASAN PILIHAN RAYA, PERATUSAN KAUM DI SELURUH NEGARA DAN KEWIBAWAAN SESEORANG CALON.

BERHUBUNG DENGAN MANIFESTO BN, BELIAU BERKATA MANIFESTO ITU, YANG DISEDIAKAN OLEH SEBUAH JAWATANKUASA, BERTUJUAN MENERANGKAN KEJAYAAN KERAJAAN BN PADA MASA LEPAS DAN JANJI-JANJINYA UNTUK MASA HADAPAN.

UNTUK PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG, KATANYA, BN TELAH MEMILIH SEBUAH SLOGAN BARU +TRADISI MEMBELA RAKYAT+ BAGI MENGGANTIKAN SLOGAN DAHULU +BERSIH CEKAP DAN AMANAH+. -- LAGI.

1950MST 18 07 86

U B961 AAB

MAHATHIR - BUBAR 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SLOGAN TERBARU ITU BERTUJUAN MENERANGKAN BAHAWA BN MERUPAKAN GABUNGAN PARTI YANG MEMPUNYAI TRADISI SENTIASA MEMBELA RAKYAT TANPA MENGIRA KAUM.

MENGENAI SLOGAN LAMA, BELIAU BERKATA IA TIDAK BERMAKNA KERAJAAN GAGAL MELAKSANAKAN YANG DIHASRATKAN MENERUSI SLOGAN ITU SEBALIKNYA YANG DIMATLAMATKAN TELAH TERCAPAI WALAUPUN SESETENGAH PIHAK MENGATAKAN SEBALIKNYA PULA.

KATANYA SETIAP KALI PILIHAN RAYA UMUM DIADAKAN DI NEGARA INI, BN AKAN MENCIPTA SLOGAN BARU BAGI MENCERMINKAN KEADAAN SEMASA.

KETIKA DITANYA MENGENAI PEMBAHAGIAN KERUSI ANTARA PARTI KOMPONEN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA IA MASIH MENJADI RAHSIA PARTI.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, PARA PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONEN TELAH DIARAH MENGEMUKAKAN NAMA CALON-CALON YANG AKAN DISEMAK OLEH BELIAU SEBAGAI PENGEURUSI BN. -- LAGI

1952MST 18 07 86

B B964 AAB

MAHATHIR - BUBAR 5 KUALA LUMPUR

MENGENAI ISU-ISU YANG AKAN DITIMBULKAN OLEH BN, PERDANA MENTERI BERKATA YANG PENTING IALAH KESTABILAN POLITIK DAN NEGARA YANG MEMBOLEHKAN KERAJAAN DAPAT MENGELUARKAN PENDAPAT DAN BERTINDAK TANPA DIGUGAT OLEH MANA-MANA JUGA PIHAK.

KETIKA MENJAWAB DAKWAAN KONONNYA KEPUTUSAN KERAJAAN MENGADAKAN PILIHAN RAYA SEMASA MUSIM HAJI BERTUJUAN MENGENEPIKAN HAK DAKAL-BAKAL HAJI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DAKWAAN SEUMPAMA ITU TIDAK BENAR SAMA SEKALI.

KATANYA PADA PILIHAN RAYA SEBELUM INI, BANYAK ORANG TIDAK DAPAT MENGUNDI DAN PADA PILIHAN RAYA AKAN DATANG AKAN BANYAK JUGA RAKYAT YANG TIDAK DAPAT MENUNAIKAN HAK MENGUNDINYA.

SEKIRANYA DIBUAT PERATURAN SEMUA ORANG PERLU BERADA DALAM NEGARA SEBELUM SESUATU PILIHAN RAYA DAPAT DIADAKAN, TENTU PILIHAN RAYA TIDAK DAPAT DIJALANKAN.

KATANYA TIDAK ADA AYAT DALAM AL-QURAN YANG BERMAKSUD BAHAWA Pengerjaan pengundian satu ibadat yang wajib. kira-kira 25,000 orang umat Islam mengerjakan haji bagi musim ini. -- BERNAMA

2000MST 18 07 86